

## KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 24/5/2016

Muka surat: 15

Tajuk : JPJ Sarawak lancar Skuad Muda 1 JPJ, 25 Mei

### JPJ Sarawak lancar Skuad Muda 1JPJ, 25 Mei

**KUCHING:** Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sarawak akan melancarkan Skuad Muda 1JPJ pada 25 Mei bermula jam 2 petang di Panggung Gemilang, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan.

Menurut Pengarahnya, Ibrahim Othman kelab tersebut merupakan yang pertama di negeri ini dan yang ketiga seumpamanya di seluruh negara.

Antara lain tujuan penubuhan kelab ialah untuk memupuk semangat kesukarelaan

di peringkat pelajar IPTA di samping menjadi pemangkin kepada Skuad Muda JPJ selepas tamat pengajian nanti.

Majlis itu akan dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPJ Malaysia Datuk Seri Ismail Ahmad yang juga akan disertai beberapa pengarah di peringkat ibu pejabat dan negeri, ketua jabatan dan agensi lain.

Orang ramai turut dijemput hadir bagi memeriahkan suasana dan berpeluang menyertai pelbagai aktiviti yang akan diadakan pada hari tersebut.

Pihaknya juga akan melak-

sanakan pameran di peringkat agensi, perkhidmatan kaunter 1JPJ iaitu pembayaran saman, pembaharuan lesen memandu serta lesen kenderaan motor LKM, semakan senarai hitam, pemeriksaan khas motosikal LKM yang tamat tempoh melebihi setahun secara percuma dan pengurangan kadar kompaun sehingga 50 peratus.

Selain itu, turut diadakan pertandingan baki tikoleh pelajar UNIMAS dan kuiz kepada para pengunjung yang menyertai.